
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JMG 213 – Teknik-Teknik Dalam Geografi

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Pilih mana-mana DUA soalan daripada bahagian A dan mana-mana DUA soalan daripada Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Tiap-tiap soalan menyumbang 25 markah.

BAHAGIAN A

Jawab mana-mana DUA soalan.

1. Selepas melalui proses penyusunan data, pembentukan peta perlu melalui proses generalisasi. Huraikan teknik-teknik yang digunakan dalam proses generalisasi tersebut.
(25 markah)
2. Dengan menunjukkan cara pengiraan, bentangkan maklumat yang terdapat dalam Jadual 1 dengan menggunakan kaedah Peta Simbol Berkadar dalam Peta 1 yang disediakan. (Gunakan minimum empat (4) kategori/ klas/jeda)
(25 markah)


Jadual 1: Bilangan penduduk dan keluasan negeri-negeri di Malaysia bagi tahun 2002

Negeri	Luas kawasan (km persegi)	Bilangan penduduk
Johor	18,987	2,740,625
Kedah	9,425	1,649,756
Kelantan	15,024	1,313,014
Melaka	1,652	635,791
Negeri Sembilan	6,644	859,924
Pahang	35,965	1,288,376
Perak	21,005	2,051,236
Perlis	795	204,450
Pulau Pinang	1,031	1,313,449
Sabah	73,619	2,603,485
Sarawak	124,450	2,071,506
Selangor	7,960	4,188,876
Terengganu	12,955	898,825
W.P Kuala Lumpur	243	1,379,310
W.P Labuan	92	76,067
MALAYSIA	329,847	23,274,690

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia 2002

3. (a) Nyatakan jenis-jenis sistem imbasan yang terdapat dalam Sistem Penderiaan Jauh.
(10 markah)
- (b) Huraikan prosedur permulaan, pencatatan dan pemandangan stereoskopik dalam kajian foto udara.
(15 markah)

PETA 1 : NEGERI-NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA




BAHAGIAN B

Jawab mana-mana DUA soalan.

4. (a) Jelaskan komponen-komponen utama sistem penderiaan jarak jauh dan sertakan contoh-contoh yang berkaitan.
(10 markah)
- (b) Terangkan proses yang berlaku apabila sinaran elektromagnet melalui atmosfera.
(15 markah)
5. (a) Berdasarkan Rajah 1, garisan kontur dapat menggambarkan ciri bentuk muka bumi bagi sesebuah kawasan. Jelaskan ciri-ciri muka bumi yang digambarkan.
(10 markah)
- (b) Dengan merujuk kepada Rajah 1, tunjukkan kawasan serta alasan-alasan yang paling sesuai untuk pembinaan pangsapuri bagi menampung penempatan semula penduduk seramai 1000 keluarga.
(15 markah)
6. Anda diberikan sebuah peta dasar dan data populasi berkaitan untuk dilakarkan dan dimuatkan menggunakan perisian AutoCAD (Rajah 2).
- (a) Jelaskan prosedur melakarkan peta sehingga peringkat mencetak peta yang sudah disiapkan.
(15 markah)
- (b) Apakah kemungkinan-kemungkinan yang berlaku dan bagaimanakah cara untuk mengatasinya, sekiranya peta tidak dapat dicetak?
(10 markah)

RAJAH 1 : PETA KONTOR RUANG A



RAJAH 2 : AutoCAD

